

21/07/1999

Perbuatan racun fikiran pelajar patut dihentikan

KUCHING, Selasa - Semua rakyat negara ini diberi kesempatan berpolitik, tetapi ia hendaklah dihadkan dan tidak harus membabitkan pelajar kerana mereka perlu diberi masa untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata tindakan mempolitikkan pelajar adalah perlakuan tidak sihat kerana terlalu awal bagi pelajar untuk didedahkan dengan perkara seumpama itu.

Beliau berkata, gejala mempengaruhi pelajar oleh golongan pendidik, guru dan pensyarah dengan fahaman politik mereka yang muncul sekarang adalah tidak sihat.

"Kita harap pendidik, guru dan pensyarah memberi ilmu pengetahuan kepada anak kita, supaya mereka nanti dapat kelulusan yang baik dan boleh menggunakan ilmu pengetahuan yang ada pada mereka untuk berbakti bagi membangunkan negara.

"Tetapi apabila dipolitikkan terlalu awal, ini tidak sihat...terlalu awal. Kesempatan berpolitik memang ada kepada sesiapa juga rakyat Malaysia, tetapi bagi yang sedang belajar, biarlah mereka menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pelajaran," katanya.

Beliau mengulas tindakan segelintir kakitangan akademik institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan menghasut pelajar membenci kerajaan, seperti yang dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Abdullah berkata demikian pada sidang akhbar selepas menamatkan lawatan rasmi dua hari ke Sarawak, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK), di sini hari ini.

Hadir sama pada sidang akhbar itu, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Dr George Chan Hong Nam dan Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang; Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan menteri-menteri Kabinet negeri.

Katanya, Kementerian Pendidikan perlu mengadakan perjumpaan dan dialog yang lebih kerap dengan golongan pendidik supaya mereka dapat memahami dasar serta apa yang tersurat dan tersirat di sebalik rancangan yang diadakan kerajaan.

"Tetapi kalau mereka terus dengan kegiatan meracuni fikiran pelajar, sampai merosakkan pelajar, tindakan mesti diambil ke atas mereka kerana perkara itu (mempolitikkan pelajar) tidak termasuk dalam senarai tugas dan tanggungjawab guru serta pensyarah," katanya.

Beliau berkata, jika mereka (tenaga pengajar) ingin memberikan kesedaran kepada pelajar, ada lagi perkara yang lebih penting seperti sikap bertanggungjawab, amanah dan sebagainya, supaya apabila mereka lulus peperiksaan dan keluar nanti boleh menggunakan ilmu pengetahuan atau ijazah untuk bekerja.

Abdullah berkata, pada masa ini kerajaan tidak menugaskan pihak tertentu untuk mengawasi kegiatan guru dan pensyarah, namun jika sampai ke tahap menghasut untuk merusuh, maka mereka terbabit sudah melanggar undang-undang dan tindakan perlu diambil.

Mengenai tahap kerjasama masyarakat dengan polis, Abdullah berkata pada hari ini polis sudah dapat menjalankan tugas dengan baik berikutan kerjasama penuh diberikan masyarakat.

Katanya, tugas polis bukan mudah dan ia berbahaya, tetapi jika masyarakat memberikan kerjasama, polis akan lebih senang dan mudah melaksanakan tanggungjawab mereka.

Beliau berkata, memang kadang kala rakyat merasakan tidak memerlukan khidmat polis kerana negara ini aman dan jenayah jarang berlaku. Tetapi, rakyat harus sedar bahawa keselamatan dan keamanan yang wujud itu adalah kerana ada orang yang bekerja untuknya dan mereka itu ialah polis.

"Saya tak kata semua polis malaikat, yang tak ada salah silap. Malah, pihak polis juga tidak pejam mata terhadap kesalahan yang dilakukan anggota mereka kerana sudah ada anggota polis yang dikenakan hukuman berat," katanya.

Bagaimanapun, katanya, rakyat perlu memahami bidang tugas polis kerana apa yang mereka lakukan memberikan erti dan nilai besar kepada rakyat secara keseluruhan.

Sehubungan itu beliau mahu rakyat memberikan kerjasama penuh kepada polis dan ini akan menjadikan kerja polis lebih baik dan memberikan faedah kepada semua.

(END)